



JABATAN KESIHATAN NEGERI, WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut :

| BIL | NO. SEBUTHARGA | TAJUK SEBUTHARGA | KOD BIDANG DAN GRED |
|-----|---------------------|--|--|
| 1. | JKWPL.400-5/07/5/24 | KERJA-KERJA NAIKTARAF DAN UBAHSUAI BANGUNAN MAKMAL ICT BAGI MENAMPUNG KEPERLUAN BAHAGIAN PERUBATAN SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN | -Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); -Sijil Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Gred G1; -Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK); -Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) & -Pemegang Sijil Taraf Bumiputera (STB) |

2. Segala maklumat dan dokumen Sebut Harga boleh didapati semasa waktu pejabat (8.00 pagi hingga 5.00 petang) di **Unit Perolehan, Bahagian Pengurusan, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan, Peti Surat 80832, 87018 Wilayah Persekutuan Labuan dan no. Talian 087- 596000 / ext:6140 mulai 25 September 2019 hingga 02 Oktober 2019.**
3. Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor yang ditauliahkan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan 2.1. Kontraktor hendaklah menghadiri lawatan tapak atau taklimat sebut harga dan tidak boleh mewakili pegawai selain daripada penama yang dibenarkan dalam sijil serta kontraktor hendaklah membawa Cop Syarikat dan Sijil-sijil Asal seperti yang dikeluarkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).**
4. Kontraktor yang ingin menyertai Sebut Harga dan ingin mendapatkan dokumen Sebut Harga di atas adalah diberi secara percuma dan tidak dikenakan sebarang bayaran.
5. Lawatan ke tapak cadangan pembinaan adalah **WAJIB**. Kontraktor yang gagal untuk menyertai lawatan tapak tidak dibenarkan untuk menyertai sebut harga ini. Lawatan tapak akan diadakan pada **25 September 2019 (Rabu) pukul 3.00 petang**. Kontraktor-kontraktor yang berminat untuk menyertai lawatan ini dikehendaki berada di **Makmal ICT, Jabatan Kesihatan W.P.Labuan** tepat pada masanya.
6. Sebut Harga ini akan ditutup pada **02 Oktober 2019 (Rabu)**. Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga di Unit Perolehan, Jabatan Kesihatan Negeri, Peti Surat 80832, 87018 Wilayah Persekutuan Labuan** tidak lewat daripada pukul 12.00 tengah hari.

